

SYAWAL MENUAI HASIL RAMADAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَدَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ ثَمَرٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا وَلَهُمْ فِيهَا

أَزْوَاجٌ مُطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾ (Surah Al Baqarah, ayat: 25)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar, yakni taqwa dalam erti kata mengerjakan segala yang diperintah oleh Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kemenangan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Sesungguhnya bulan Syawal bulan mulia lagi barakah ini merupakan bulan umat Islam merayakan hari kemenangan, seterusnya bulan persediaan dan persiapan untuk umat Islam melaksanakan perintah ibadat Haji pula di bulan Zulhijjah, lebih kurang sebulan lebih lagi. Firman Allah SWT:

... وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: "...Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluknya". (Surah Ali 'Imran, ayat 97)

Ini bermakna umat Islam yang mampu diwajibkan menunaikan ibadat Haji di Baitullah di Makkah Al Mukarramah.

Ketahuilah, bahawa bulan Ramadan merupakan bulan rahmat diwajibkan umat Islam berpuasa dan dianjurkan melipat gandakan amal ibadah sama ada ibadat yang wajib atau sunat sebagai persiapan rohaniah dan jasmaniah supaya tercapai matlamat menjadi hamba Allah yang bertaqwa, sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al Quran:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa". (Surah Al-Baqarah, ayat 183)

Sekaligus latihan sepanjang Ramadan itu juga merupakan persiapan umat Islam untuk melaksanakan ibadah Haji di Baitullah, in syaa Allah.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Umpama seorang petani yang telah bersusah payah, menyediakan benih, tapak semaian dan seterusnya menanam serta menjaga tanamannya sehingga menuai hasil yang terbaik. Begitulah gambaran orang yang berpuasa sebulan Ramadan pasti menantikan hasilnya yang terbaik, iaitu menjadi hamba yang bertaqwa.

Sehubungan itu, khatib ingin menarik perhatian para Jemaah sekalian tentang peri pentingnya umat Islam terus istiqamah dalam beramal ibadah sama ada yang wajib atau sunat demi mempersiapkan bekal untuk kehidupan di akhirat kelak. Ada lima amal mesti diterusnya, iaitu:

1. Bersegera beramal soleh dan beristighfar. Firman Allah SWT:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ


Maksudnya: "Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa". (Surah ali 'Imran, ayat 133)

2. Istiqamah beramal. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Amalan yang paling disukai Allah ialah berterusan walaupun sedikit". (HR Imam al-Bukhari)

3. Mengerjakan ibadah wajib. Dalam Hadith yang Rasulullah SAW menyebutkan lagi tentang amalan yang wajib seperti solat fardu, zakat, puasa, haji dan sebagainya, sabdanya yang bermaksud: "Amalkanlah semua yang diwajibkan Allah, nescaya kamu akan menjadi orang yang paling bertaqwa". (HR At-Thahawi)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

4. Solat fardu dan solat berjemaah. Solat fardu itu adalah rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam. Firman Allah SWT:

 وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: “Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasulullah, agar kamu diberi rahmat”. (Surah An-Nur, ayat 56)

Pahala solat berjemaah 27 darjat, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Solat Jemaah pahalanya melebihi solat sendirian dengan dua puluh tujuh darjat”. (HR Muttafaqun ‘alaih). Selain itu, solat berjemaah mampu mengukuhkan ukhuwah, silaturrahi dan memantapkan perpaduan ummah.

5. Terus bersedekah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya sedekah seorang muslim itu memanjangkan umurnya, menghindarkannya menghadapi kematian yang buruk, dia dihindarkan Allah sifat-sifat keangkuhan dan kesombongan”. (HR At-Thabrani)

Oleh yang demikian, umat Islam hendaklah terus istiqamah melakukan amal ibadat, amal soleh, membuat kebaikan, berzikir, berselawat, bersedekah, bertadarus dan sebagainya. Walaupun Ramadan sudah berlalu. Kerana Allah SWT suka hamba-hamba-Nya yang beramal soleh yang berterusan.

Hari Raya Aidilfitri masih diraikan oleh umat Islam, rumah terbuka di sana sini menjadi kelaziman masyarakat Islam di negara kita sebagai tanda kesyukuran dan kegembiraan. Namun, biarlah hendaknya perayaan ini diraikan dengan aturan dan panduan Syariat Islam.

Kerana itu, perlu diingatkan bahawa Aidilfitri itu bermaksud kembali kepada fitrah yang suci pada kejadian kelahiran manusia yang putih bersih seperti seorang bayi yang baru lahir tanpa sebarang dosa dan maksiat. Inilah makna kita merai dan merayakan Aidilfitri yang mulia ini.

Lantaran kejayaan kita daripada kesan tarbiyah Ramadan melalui ibadah puasa sebulan yang membentuk kita menjadi mukmin yang bertaqwa, patuh dan tunduk kepada Allah SWT.

Sesungguhnya inilah antara hasil tuaian kita daripada kesan tarbiyah Ramadan dan ibadah puasa.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Jangan tunggu Ramadan baru hendak beramal ibadah, tetapi Islam menganjurkan umatnya supaya terus istiqamah melaksanakan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya tanpa menunggu datang Ramadan tahun akan datang. Sebab beramal soleh dan beramal ibadat itu bukan mengikut musim sebagaimana agama lain memahami amal dan ibadah itu dalam masa atau musim tertentu.

Firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: "Hendaklah ada di antara kamu satu puak (umat) yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan agama Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang mungkar (yang salah, buruk dan keji), kerana mereka yang bersifat demikian itulah orang yang Berjaya (di dunia dan akhirat)". (Surah Ali 'Imran, ayat 104)

Demikianlah, Islam menyuruh dan menganjurkan umatnya terus istiqamah melakukan amal ibadat, amal soleh, amal kebajikan dan sebagainya demi mencari keredhaan Allah SWT di dunia sehingga ke akhirat.

Jangan sekali-kali kita menjadi umat yang beribadat dan beramal soleh mengikut musim atau masa tertentu sahaja. Ingatlah, bahawa setiap amal ibadah, amal soleh dan kebaikan yang kita lakukan dengan ikhlas kerana Allah Ta'ala semata-mata serta mengikut panduan dan peraturan Syariat Islam, itulah amal yang akan menjadi bekalan yang akan kita, anak isteri, ahli keluarga dan umat Islam terima dan tuai hasilnya di akhirat kelak.

Mudah-mudahan segala amal ibadah, amal soleh dan kebaikan yang kita lakukan di sepanjang hayat ini akan menjadi amal ibadah dan amal soleh yang ikhlas yang akan mendapat ganjaran di sisi Allah SWT, in syaa Allah.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah